

FEMINA SPECIAL

PENDAHULUAN

Takaful ialah skim bantuan bersama berdasarkan semangat persaudaraan dan perpaduan di mana para Peserta seperti Anda bersetuju untuk saling membantu satu sama lain dari segi kewangan bagi keperluan tertentu. Dengan niat ini, para Peserta membayar Sumbangan mereka berdasarkan Tabarru' (derma) kepada Dana Takaful Am (Dana) yang diuruskan oleh Etiqa General Takaful Berhad (Pengendali Takaful). Pembayaran jumlah yang dilindungi kepada para Peserta dibayar daripada Dana tersebut berdasarkan konsep Tabarru'.

Sebagai Pengendali Takaful, Kami bertanggungjawab memilih para Peserta serta menentukan dan mengumpulkan Sumbangan. Kami juga bertanggungjawab untuk melaburkan Dana dan membayar Manfaat kepada para Peserta yang berhak. Semua hasil daripada pelaburan akan dikreditkan ke dalam Dana. Dana ini dimiliki secara kolektif oleh para Peserta di mana bahagian sumbangan Tabarru' diletakkan untuk tujuan Takaful. Hubungan antara Anda dan Kami ditadbir oleh kontrak Wakalah (perwakilan).

Lebih dari Dana akan ditentukan setiap tahun dan akan dibayar untuk Sijil tahunan. Pengagihan, sekiranya ada, diperuntukkan bagi peruntukan luar jangka, dan tertakluk kepada polisi lebihan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami. Lebihan yang boleh diagih, sekiranya ada, lima puluh peratus (50%) daripadanya dibayar kepada Kami kerana mengendali dan menguruskan Dana, berdasarkan kontrak Ju'alah (ganjaran), dan baki lima puluh peratus (50%) akan dikongsi antara para Peserta yang mana Sijil mereka belum ditamatkan dan tidak membuat sebarang tuntutan dalam tahun kewangan tersebut. Sekiranya berlaku apa-apa defisit daripada Dana tersebut, tidak akan ada pengagihan lebihan bagi tahun kewangan tersebut. Dalam keadaan sedemikian, defisit akan dibiayai oleh jumlah yang diperuntukkan bagi tujuan luar jangka. Sekiranya Dana tersebut masih defisit, Qard (pinjaman tanpa faedah) akan diatur. Qard akan dibawa ke tahun kewangan yang berikutnya dan sebarang lebihan yang diperolehi selepas itu akan digunakan untuk membayar semula Qard. Jika lebihan adalah kurang daripada Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00), Kami akan mengkreditkan jumlah wang itu ke dalam tabung kebajikan yang akan digunakan sebagai Amal Jariah bagi pihak para Peserta.

Permohonan Anda untuk menyertai Skim Takaful ini sebagai Peserta telah Kami terima berdasarkan permohonan yang Anda telah tandatangani beserta segala maklumat yang diberikan kepada Kami. Jika Anda tidak mengisi Borang Permohonan, penerimaan Kami adalah berdasarkan pernyataan fakta dan apa-apa maklumat yang anda berikan kepada Kami. Sebagai Peserta, Anda akan menerima perlindungan takaful sekiranya berlaku kematian, hilang upaya kekal, kanser wanita dan perlindungan daripada jenayah yang mungkin berlaku dalam Tempoh Takaful tertakluk kepada peraturan dan syarat kontrak Takaful ini.

Kontrak Takaful Anda terdiri daripada Borang Permohonan, Sijil ini dan Jadual. Anda harus menelitinya untuk menentukan ianya menepati perlindungan yang Anda perlukan.

Skim Takaful ini adalah tertakluk kepada Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Satu keperluan akta ini ialah penubuhan Jawatankuasa Syariah untuk memberi nasihat kepada Kami supaya tidak terlibat dalam aktiviti yang ditegah oleh Syariah.

APAKAH YANG MEMBENTUK SIJIL INI

Takaful tidak melindungi Anda daripada apa jua yang boleh berlaku.

Tajuk tidak dikira sebahagian daripada pernyataan Sijil.

Sijil ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran Sumbangan seperti yang ditetapkan dalam Jadual dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Permohonan Anda (atau semasa memohon takaful ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh Anda di antara masa penyerahan Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan apa-apa pendedahan lain yang telah Anda berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak takaful antara Anda dan pihak Kami. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan Anda atau di dalam mana-mana pendedahan yang Anda berikan, hanya remedi yang terdapat dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan diguna pakai.

Sijil ini merangkumi terma-terma dan syarat-syarat kontrak takaful seperti yang dipersetujui antara Anda dan pihak Kami.

Sijil ini menyatakan perlindungan takaful yang Anda terima seperti yang ditunjukkan dalam Jadual dan keadaan-keadaan di mana Anda dilindungi dan tidak dilindungi.

Untuk membantu memelihara alam sekitar, Kami akan menghantar satu salinan Sijil sahaja. Sila simpan Sijil ini di tempat yang selamat. Dalam kes pembaharuan dan/atau pindaan syarat Sijil, Kami akan menghantar Jadual pembaharuan dan/atau Endorsemen sahaja kepada Anda. Jika pada bila-bila masa Anda mahu salinan penggantian dokumen ini, sila hubungi Kami dan Kami sedia membantu.

KEWAJIPAN ANDA UNTUK MEMBERITAHU KAMI

1. Komunikasi

Semua komunikasi kepada Kami mesti dibuat secara bertulis atau Anda boleh hubungi Etiqa Online di talian 1300 13 8888.

2. Kewajipan pendedahan sebelum takaful ini diberikan

- i) Apabila Anda telah memohon takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan yang terdapat dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini) sebagai contoh, Anda perlu menjawab dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak takaful Anda, keengganan atau pengurangan ganti rugi Anda, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful Anda selaras dengan remedi di dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang Anda tahu akan mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.
- ii) Jika Anda tidak memberikan maklumat ini dengan sepenuhnya dan sejujurnya, takaful ini mungkin tidak sah atau Sijil mungkin tidak melindungi Anda dengan sepenuhnya.

3. Kewajipan pendedahan sepanjang tempoh takaful ini

Anda dikehendaki memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful ini atau mana-mana Sijil lain yang berkuatkuasa ke atas Anda atau oleh Anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini atau Sijil lain) tidak tepat atau telah berubah termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa perubahan dalam pekerjaan Anda, tugas kerja, aktiviti sukan, atau apa-apa maklumat berkaitan yang boleh meningkatkan risiko termasuk sebarang penyakit, kecacatan atau keuzuran fizikal atau mental. Kami mungkin:

- i) meminta Anda membayar Sumbangan tambahan bagi peningkatan risiko tersebut;
- ii) membuat perubahan kepada terma dan syarat Sijil ini; atau
- iii) membiarkan terma, syarat dan Sumbangan Sijil seadanya tanpa diubah.

Anda akan hanya dilindungi untuk apa-apa peningkatan risiko jika dipersetujui secara bertulis oleh pihak Kami.

KELAYAKAN

Untuk layak mendapat perlindungan Takaful ini, Anda sebagai Peserta yang dinamakan di dalam Jadual, mestilah merupakan Warganegara Malaysia atau Penduduk Tetap Malaysia yang berumur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun dan tidak melebihi enam puluh (60) tahun pada Tarikh Takaful Berkuatkuasa.

Sijil ini akan diperbaharui sehingga umur maksimum tujuh puluh (70) tahun dengan syarat bahawa kami berpuas hati terhadap tahap kesihatan Anda.

TUNAI SEBELUM PERLINDUNGAN

Syarat penting dan mutlak bagi Sijil ini ialah bahawa sumbangan perlu dibayar hendaklah dibayar dan diterima oleh Kami sebelum perlindungan Takaful di bawah Sijil ini bermula.

Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi, maka Sijil ini tidak akan berkuatkuasa dan menjadi batal. Sekiranya syarat ini di patuhi, Sijil ini akan berkuatkuasa untuk tempoh satu (1) tahun bermula daripada Tarikh Berkuatkuasa dan akan diperbaharui setiap tahun selepas itu tertakluk kepada Syarat 5 di bawah ini.

Kami berhak untuk memperbaharui, membatalkan atau mengendors ke atas pembaharuan tahunan Sijil ini. Tiada dokumen selanjutnya akan dikeluarkan sebagaimana Jadual menunjukkan tiada tarikh tamat.

ASAS DAN PELARASAN SUMBANGAN

Sumbangan Anda akan berdasarkan umur Anda pada Tarikh Takaful Berkuatkuasa atau tarikh pembaharuan tahunan Sijil ini yang mana berkenaan.

Kadar sumbangan adalah tidak dijamin dan mungkin akan bertambah/dinaikkan atau berbeza semasa Sijil diperbaharui berdasarkan kepada:

- a) Anda mencapai umur empat puluh satu (41) tahun. Sumbangan yang ditetapkan akan dipinda pada tarikh bayaran yang berikutnya; atau
- b) Portfolio pengalaman tuntutan Kami dalam bidang perniagaan ini.

Kami akan menasihati Anda tentang perubahan tersebut secara bertulis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum sumbangan Anda dinaikkan.

DEFINISI AM

Anda/Kamu/Peserta bermaksud Orang Yang Dilindungi yang dinamakan di dalam Jadual.

Kami bermaksud Etiqa General Takaful Berhad.

Dana Takaful Am (Dana) bermaksud akaun Peserta di mana bahagian Tabarru' daripada Sumbangan dimasukkan bagi tujuan Takaful. Dana ini dimiliki secara kolektif oleh para Peserta dan Jumlah yang Dilindungi yang ditunjukkan di dalam Jadual Takaful adalah dibayar daripada Dana tersebut.

Jadual bermaksud helaian maklumat yang mengandungi butir-butir peribadi Peserta, Manfaat, sumbangan dan Tempoh Takaful yang dilampirkan bersama Sijil ini.

Ju'alah ialah kontrak ganjaran. Ia adalah kontrak pertukaran untuk tugas yang diketahui atau tidak diketahui yang sukar untuk ditentukan dan pembayaran perlu dibuat sebaik sahaja tugas tersebut disempurnakan. Berkaitan dengan Sijil ini, ia merujuk kepada ganjaran yang diberikan kepada Kami yang dipersetujui terlebih dahulu oleh Anda dan Kami bagi pengurusan Dana yang baik.

Kemalangan bermaksud suatu kejadian yang ganas, kemalangan, luaran dan jelas kelihatan secara langsung, yang mana bebas daripada sebab-sebab lain yang mengakibatkan Kecederaan Badan atau kematian.

Manfaat bermaksud Manfaat yang dinyatakan di dalam Sijil, Jadual dan/atau Endorsemen, dibayar oleh Kami mengikut syarat, pengecualian dan peraturan Sijil berkenaan setiap kejadian atau kerugian yang dilindungi oleh Sijil ini.

Kecederaan Badan bermaksud Kecederaan Badan yang dialami oleh Peserta akibat Kemalangan.

Keadaan Kongenital bermaksud sebarang keadaan yang tidak normal dari segi perubahan atau fizikal yang wujud pada masa kelahiran, serta sebagai keadaan tidak normal neo-natal dari segi fizikal yang terjadi dalam masa enam (6) bulan dari masa kelahiran. Ia akan termasuk hernia daripada semua jenis dan epilepsi kecuali apabila disebabkan oleh trauma yang berlaku selepas tarikh Peserta dilindungi secara berterusan di bawah Sijil ini.

Tarikh Takaful Berkuatkuasa bermaksud Tarikh Berkuatkuasa di dalam Jadual.

Sehari Kemasukan ke Hospital bermaksud sehari di mana pihak Hospital mengenakan caj bayaran di atas penggunaan kemudahan bilik kepada Anda sebagai pesakit untuk tempoh minimum dua puluh empat (24) jam dengan syor daripada Pengamal Perubatan.

Endorsemen bermaksud bukti bertulis tentang pindaan yang telah dipersetujui bagi Sijil ini.

Ahli Keluarga bermaksud pasangan sah Peserta, ibu bapa, ibu dan bapa mertua, datuk dan nenek, anak, abang, kakak atau adik.

Hospital bermaksud mana-mana institusi yang memenuhi kesemua ciri yang berikut:

- mengendalikan kemudahan-kemudahan yang kekal dan sepenuh masa untuk penjagaan pesakit yang bermalam dan menetap;
- mempunyai kemudahan-kemudahan diagnos dan terapi untuk diagnos pembedahan, perubatan dan rawatan serta penjagaan bagi orang-orang yang tercedera dan sakit oleh kakitangan Pengamal Perubatan ataupun dengan penyeliaan kakitangan tersebut;
- menyediakan perkhidmatan kejururawatan siang malam (24 jam) secara selanjur di bawah penyeliaan jururawat-jururawat yang bertauliah; dan
- bukan institusi pemulihan pesakit otak atau tempat berehat atau rumah orang-orang tua, atau tempat pemulihan penagih dadah atau arak.

Penghospitalan bermaksud kemasukan atau siri-siri kemasukan dari punca yang sama kecuali jika kemasukan dari punca yang sama dipisahkan oleh tempoh dua belas (12) bulan atau lebih, kemasukan tersebut akan ditakrifkan sebagai penghospitalan yang berasingan.

Isi rumah bermaksud orang yang menetap di kediaman Peserta selain daripada Ahli Keluarga.

Penyakit bermaksud keadaan fizikal yang ditandakan dengan penyimpangan patologikal daripada keadaan kesihatan normal seperti yang disahkan oleh Pengamal Perubatan.

Pengamal Perubatan bermaksud ahli perubatan yang bertauliah, doktor atau pakar bedah selain daripada Anda atau ahli keluarga Anda.

Perlu Dari Segi Perubatan bermaksud perkhidmatan perubatan yang:

- konsisten dengan diagnosis dan rawatan perubatan lazim bagi Hilang Upaya yang dilindungi;
- selaras dengan standard-standard amalan perubatan baik, konsisten dengan standard semasa penjagaan perubatan profesional, dan faedah perubatan dibuktikan;
- bukan untuk kemudahan bagi Peserta atau Pakar Perubatan, dan tidak dapat secara munasabah diberikan di luar hospital (sekiranya dimasukkan sebagai pesakit dalam hospital);
- bukan bersifat sebagai percubaan, siasatan atau penyelidikan, bersifat menghalang atau saringan; dan
- untuk yang mana caj adalah adil dan munasabah bagi Hilang Upaya tersebut.

Tabarru' bermaksud sumbangan, derma atau hadiah. Dalam konteks Sijil ini, ia bermaksud Sumbangan untuk tujuan Takaful. Bahagian ini disimpan dalam Dana Takaful Am.

Tempoh Takaful bermaksud tempoh di mana perlindungan di bawah Sijil ini berkuatkuasa, seperti yang tercatat di dalam Jadual.

Penyakit Sedia Ada bermaksud hilang upaya yang mana Peserta mengetahui kewujudannya. Peserta dianggap mengetahui kewujudan penyakit sedia ada sekiranya berlaku salah satu keadaan di bawah:

- Peserta telah menerima atau sedang menerima rawatan;
- nasihat perubatan, diagnosis, penjagaan atau rawatan telah dicadangkan;
- simptom-simptom adalah jelas dan nyata terbukti; atau
- kewujudannya adalah jelas kelihatan kepada seorang yang munasabah apabila melihat keadaannya.

Penyakit Khusus bermaksud satu atau lebih dari Hilang Upaya yang berikut dan komplikasi-komplikasi yang berkaitan dengannya, berlaku dalam masa seratus dua puluh (120) hari pertama dari Tarikh Takaful berkuatkuasa kepada Peserta:

- Penyakit hipertensi, diabetes mellitus dan Kardiovaskular;
- Semua tumor, kanser, sista, nodul, polip, pertumbuhan dan ketulan daripada semua jenis;
- Kedua-dua belah telinga, hidung (termasuk bahagian dalam hidung) dan keadaan kerongkong;
- Hernia, hemoroid dan fistula;
- Endometriosis termasuk penyakit Sistem Pembiakan; atau
- Gangguan vertebro-spinal (termasuk diska) dan keadaan lutut.

Qard dalam konteks Sijil ini, ia bermaksud pinjaman tanpa faedah yang diberikan oleh Kami kepada Dana Takaful Am apabila ia tidak mencukupi untuk menanggung kewajipan Takaful dengan syarat kekurangan tersebut bukan disebabkan oleh salah urus atau kecuaiannya Kami. Pinjaman tersebut akan dibayar semula menggunakan lebihan pada masa hadapan daripada Dana Takaful Am bagi pihak Anda. Anda juga memberikan kuasa kepada Kami untuk mewakili hak, tanggungjawab dan kewajipan kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Kami. Sekiranya ada perwakilan sedemikian, Kami akan tetap bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan terhadap Anda.

Wakalah adalah merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejennya untuk melakukan tugas-tugas tertentu berkenaan hal-hal yang dipertanggungjawabkan, dengan atau tanpa mengenakan sebarang fi. Dalam konteks Sijil ini, ia bermaksud Anda telah melantik Kami untuk melabur dan menguruskan Dana Takaful Am bagi pihak Anda. Anda juga memberikan kuasa kepada Kami untuk mewakili hak, tanggungjawab dan kewajipan kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Kami. Sekiranya ada perwakilan sedemikian, Kami akan tetap bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan terhadap Anda.

Penyakit Berjangkit bermakna sebarang penyakit yang boleh merebak melalui sebarang bahan atau agen daripada apa sahaja organisma kepada organisma lain yang mana:

- bahan atau agen tersebut terdiri daripada, tetapi tidak terhad kepada, virus, bakterium, parasit atau organisma lain atau ubahannya, sama ada dianggap hidup atau tidak,
- cara jangkitan, sama ada langsung atau tidak langsung, termasuk tetapi tidak terhad kepada, cara jangkitan bawaan udara, cara jangkitan cecair badan, cara jangkitan daripada atau kepada sebarang permukaan atau objek, pejal, cecair atau gas atau antara organisma, dan
- penyakit, bahan atau agen tersebut boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan kepada kesihatan manusia atau kebajikan manusia atau boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan kepada, kemerosotan, kehilangan nilai, kebolehpasaran atau kehilangan penggunaan harta yang dilindungi di bawah ini.

PERLINDUNGAN & MANFAAT

SEKSYEN-SEKSYEN MANFAAT	JUMLAH MANFAAT (RM)
Seksyen 1 – Kematian akibat Kemalangan	100,000
Kami akan membayar Jumlah Manfaat sekiranya semasa Tempoh Takaful, Anda mengalami Kecederaan Badan yang mengakibatkan Kematian dalam tempoh lima puluh dua (52) minggu dari tarikh Kemalangan. Kami tidak akan membayar Jumlah Manfaat ini untuk sebarang Kematian akibat Kemalangan berikutan dengan Kemalangan yang sama di mana Seksyen 5 dibayar.	

Seksyen 2 – Hilang Upaya Kekal	Sehingga 200,000
<p>Sekiranya semasa Tempoh Takaful, Anda mengalami Kecederaan Badan yang mengakibatkan Hilang Upaya Kekal dalam masa lima puluh dua (52) minggu dari tarikh Kemalangan, Kami akan membayar Jumlah Manfaat berkaitan seperti yang dinyatakan di bawah:</p> <p>a) Lumpuh Kekal Keseluruhan atau gila sepenuhnya atau kecederaan yang menyebabkan terlanjar kekal. 200,000</p> <p>b) Kehilangan Kekal Menyeluruh pada penglihatan kedua-dua belah mata atau penggunaan kedua-dua belah tangan atau kedua-dua belah kaki atau kedua-dua belah tangan dan kaki atau kombinasi daripadanya. 200,000</p> <p>c) Kehilangan Kekal Menyeluruh bagi Pendengaran kedua-dua belah telinga. 150,000</p> <p>d) Kehilangan Kekal Menyeluruh bagi daya Pertuturan. 120,000</p> <p>e) Kehilangan Kekal Menyeluruh bagi Penglihatan sebelah mata atau penggunaan satu tangan atau satu kaki. 100,000</p> <p>f) Kehilangan Kekal Menyeluruh bagi pendengaran sebelah telinga. 50,000</p> <p>g) Kehilangan Kekal Menyeluruh bagi penggunaan bahu, siku, lutut, pergelangan tangan atau kaki 30,000</p> <p>h) Kehilangan Kekal Menyeluruh bagi penggunaan pinggul 30,000</p> <p>i) Kehilangan Kekal Menyeluruh bagi penggunaan atau kehilangan akibat dikudungkan bagi:</p> <p>i) Satu ibu jari 20,000</p> <p>ii) Satu jari telunjuk 20,000</p> <p>iii) Mana-mana jari lain atau satu ibu jari kaki 10,000</p> <p>iv) Mana-mana jari kaki 4,000</p> <p>Kami mempunyai kuasa budi bicara mutlak dalam menentukan peratusan (%) Jumlah Manfaat yang dibayar untuk Hilang Upaya Kekal yang tidak dinyatakan di atas.</p>	
<p>Syarat-syarat yang diperuntukkan di bawah Seksyen 2</p> <p>1. Sekiranya Manfaat dituntut untuk:</p> <p>a) Kehilangan kekal menyeluruh atau kehilangan penggunaan satu tangan atau kaki, maka tiada Jumlah Manfaat akan dibayar bagi kehilangan bahagian-bahagian tangan atau kaki tersebut.</p> <p>b) Kehilangan kekal bagi penggunaan bahagian-bahagian tangan atau kaki, maka jumlah keseluruhan yang dibayar tidak akan melebihi Jumlah Manfaat yang dibayar bagi kehilangan kekal menyeluruh bagi keseluruhan tangan atau kaki.</p> <p>2. Jika Manfaat dituntut bagi lebih daripada satu bentuk Hilang Upaya Kekal yang dialami dalam mana-mana Kemalangan, maka jumlah keseluruhan dibayar tidak akan melebihi Jumlah Manfaat yang dibayar bagi Lumpuh Kekal Keseluruhan atau kecederaan yang mengakibatkan terlanjar kekal.</p> <p>3. Sebelum Kami membayar Manfaat Lumpuh Kekal Keseluruhan, atau lain-lain Manfaat Hilang Upaya Kekal, Lumpuh Sepenuhnya atau kecederaan yang mengakibatkan terlanjar kekal atau Hilang Upaya Kekal yang hendaklah berlanjutan dalam tempoh lima puluh dua (52) minggu dan telah dibuktikan akan berkekalan dan dijangka tidak dapat dipulihkan.</p> <p>4. Manfaat Hilang Upaya Kekal tidak akan dibayar sekiranya berlaku Kematian akibat Kemalangan yang berkait dengan Kemalangan yang sama yang akan dibayar.</p> <p>5. Sekiranya jumlah keseluruhan Manfaat telah dibayar bagi Kematian akibat Kemalangan atau Lumpuh Kekal Menyeluruh atau Kehilangan Kekal Menyeluruh bagi kedua-dua mata atau penggunaan kedua-dua belah tangan atau kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki atau kombinasi daripadanya atau Kehilangan Kekal Menyeluruh bagi Pertuturan atau Pendengaran pada kedua-dua belah telinga, Sijil ini kemudiannya akan terbatal.</p>	
<p>Definisi</p> <p>1. Kehilangan Daya Pertuturan dan Pendengaran bermaksud kehilangan menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan yang melampaui remedi oleh pembedahan atau rawatan lain.</p> <p>2. Kehilangan Daya Penglihatan bermaksud kehilangan mata secara fizikal mata atau kehilangan penglihatan kekal dan menyeluruh, yang mana akan dipertimbangkan sebagai telah berlaku:</p> <p>a) Pada kedua-dua belah mata sekiranya ianya disahkan oleh pakar oftalmik yang berdaftar dan bertauliah sepenuhnya. Bagaimanapun, Kami berhak mendapatkan pendapat kedua; atau</p> <p>b) Pada sebelah mata sekiranya darjah penglihatan yang tinggal selepas dipulihkan hanya 1/60 atau kurang berdasarkan Skala 'Snellen' [bererti Anda boleh melihat pada jarak satu (1) kaki objek yang berjarak enam puluh (60) kaki]. Walaubagaimanapun, Kami berhak mendapatkan pendapat kedua.</p> <p>3. Kehilangan Tangan bermaksud:</p> <p>a) keseluruhan tangan atau keempat-empat jari dikudungkan pada paras pangkal jari yang bersambung dengan tapak tangan; atau</p> <p>b) Kehilangan menyeluruh dan kekal bagi keseluruhan tangan atau keempat-empat jari.</p> <p>4. Kehilangan Kaki bermaksud:</p> <p>a) sebelah kaki (pada paras atau atas daripada buku lali) dikudungkan; atau</p> <p>b) Kehilangan Kekal Menyeluruh bagi sebelah kaki</p> <p>c) Kehilangan Anggota bermaksud kehilangan menyeluruh disebabkan pemotongan satu tangan, pada atau di atas pergelangan atau satu kaki, pada atau di atas buku lali dan termasuk kehilangan menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan pada tangan, lengan atau kaki.</p>	
<p>Seksyen 3 – Tunai Ihsan</p>	<p>2,000</p>
<p>Kami akan membayar Tunai Ihsan kepada keluarga sekiranya Anda meninggal dunia akibat:</p> <p>a) Kemalangan; atau</p> <p>b) Kematian disebabkan Komplikasi Bersalin yang berlaku akibat Kemalangan.</p>	
<p>Seksyen 4 – Kanser Wanita</p>	<p>20,000</p>
<p>Kanser Wanita bagi tujuan seksyen ini adalah terbatas hanya kepada kanser utama dari organ-organ wanita seperti Payudara, Serviks, Rahim, Ovari, Tiub Falopia serta Vulva dan Vagina. Neoplasia intraepithelial serviks dan karsinoma-in-situ, perubahan berbahaya (lesion) CIN (tanpa mengambil kira histologi, gred atau pengelasan) dan/atau Kanser sekunder yang berasal daripada organ lain dan tersebar ke salur genital wanita atau payudara adalah dikecualikan.</p>	

<p>Kami akan membayar Jumlah Manfaat sekiranya Anda didiagnosis mengalami mana-mana atau kombinasi Kanser Wanita (seperti yang dinyatakan di bawah) dan terus hidup sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari dari tarikh Diagnosis tersebut.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Diagnosis Kanser Payudara Kanser Payudara bermaksud perubahan berbahaya (lesion) malignan yang berlaku di tisu epitelial atau tisu sokongan payudara dan merebak setempat ke tisu sekeliling atau yang melibatkan noda limfa dan organ-organ jauh yang lain. 2. Diagnosis Kanser Servikal Kanser Servikal bermaksud perubahan berbahaya (lesion) yang berlaku di dalam epitelium servikal tetapi telah mengembang ke dalam dan melepasi kawasan bawah stromia dan menunjukkan potensi untuk atau pada masa diagnosis, telah merebak ke tisu dan organ bersebelahan dan/atau yang berjauhan. Kanser Servikal tidak termasuk: <ol style="list-style-type: none"> a) diagnosis displasia ringan, sederhana, teruk (CIN I, CIN II atau CIN III, Karsinoma-in-situ); atau b) perubahan kerana virus papiloma manusia yang tidak menunjukkan transformasi malignan. 3. Diagnosis Kanser Rahim Kanser Rahim bermaksud perubahan berbahaya (lesion) yang berlaku di lapisan atau dinding rahim dan menunjukkan potensi untuk, atau telah merebak ke tisu-tisu dan organ-organ setempat dan/atau yang berjauhan. 4. Diagnosis Kanser Ovari Kanser Ovari bermaksud neoplasma malignan yang berlaku di dalam ovari yang menunjukkan potensi untuk, atau yang telah merebak ke tisu-tisu dan organ-organ setempat dan/atau yang jauh. 5. Diagnosis Kanser Tiub Falopia Kanser Tiub Falopia bermaksud neoplasma malignan yang berlaku di dalam tiub-tiub Falopia. 6. Diagnosis Kanser Vulva dan Vagina Kanser Vulva dan Vagina bermaksud neoplasma malignan yang berlaku pada epitelium dan merebak untuk melibatkan tisu-tisu sokongan di bahagian bawah, dan/atau tisu-tisu dan organ-organ yang berjauhan. <p>Diagnosis bermaksud diagnosis kanser yang dibuat semasa Tempoh Takaful Anda oleh pakar yang berkeelayakan.</p> <p>Kanser mesti disahkan melalui keputusan positif semasa pemeriksaan mikroskopik dijalankan ke atas tisu-tisu atau persediaan dari sistem haemic dan dikenali melalui pertumbuhan dan penyebaran sel malignan tidak terkawal, dan penaklukan dan pemusnahan tisu normal. Diagnosis akan berdasarkan hanya kepada kriteria yang diterima bagi malignancy selepas kajian seni bina histologi atau corak tumor orang yang disyaki, tisu atau spesimen. Sebagai tambahan, Kami mempunyai hak dan peluang untuk memeriksa Peserta, dengan perbelanjaan pihak Kami, apabila dan seberapa kerap yang munasabah diperlukan, sebelum keputusan tuntutan di bawah Sijil ini dibuat.</p> <p>Sijil ini terbatal selepas pembayaran penuh Jumlah Manfaat di bawah seksyen ini.</p> <p><u>Pengecualian-pengecualian yang diperuntukkan di bawah Seksyen 4</u></p> <p>Manfaat Kanser Wanita tidak melindungi sebarang penyakit yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana yang berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> a) Sebarang keadaan pra-kanser dan karsinoma in-situ bukan invasif; b) Sebarang penyakit yang dilindungi yang didiagnosis dalam masa seratus dua puluh (120) hari pertama bermula Tarikh Takaful Berkuatkuasa atau pengembalian kepada keadaan asal Sijil ini; atau <p>Sebarang keuzuran, penyakit atau keadaan, termasuk penyakit-penyakit atau komplikasi yang timbul daripada sebarang Kanser.</p>	
<p>Seksyen 5 – Komplikasi Bersalin</p>	<p>20,000</p>
<p>Kami akan membayar Manfaat Komplikasi Bersalin sekiranya Kematian Anda berlaku dalam masa tiga puluh (30) hari daripada komplikasi kehamilan atau keguguran berpunca daripada Kemalangan seperti yang disahkan oleh Pengamal Perubatan yang merawat.</p> <p><u>Pengecualian-pengecualian yang diperuntukkan di bawah Seksyen 5</u></p> <p>Kami tidak akan membayar:</p> <ol style="list-style-type: none"> a) bagi tuntutan-tuntutan yang timbul daripada penamatan elektif atau pengguguran selain daripada komplikasi kehamilan atau keguguran berpunca daripada Kemalangan. b) Jumlah Manfaat ini untuk sebarang Kematian akibat Kemalangan berikutan dengan Kemalangan yang sama di mana Seksyen 1 dibayar. <p>Sijil ini terbatal apabila Jumlah Manfaat penuh dibayar di bawah seksyen ini.</p>	
<p>Seksyen 6 – Pembedahan Rekonstruktif Muka atau Rawatan Pergigian</p>	<p>Sehingga 10,000</p>
<p>Kami akan membayar balik kepada Anda kos sebenar yang dibelanjakan sehingga jumlah tidak melebihi RM10,000 akibat Kemalangan dalam mana-mana satu Tempoh Takaful tahunan bagi menjalani pembedahan rekonstruktif pada kepala, muka dan/atau leher atau rawatan kecederaan kepada gigi semulajadi tertakluk kepada penyerahan bil yang asal.</p> <p>Pembedahan rekonstruktif dan/atau rawatan pergigian tersebut adalah Perlu Dari Segi Perubatan dan dilakukan oleh pakar bedah atau pakar pergigian yang dilesenkan.</p>	
<p>Seksyen 7 – Tunai Ihsan akibat Ketidaksuburan</p>	<p>10,000</p>
<p>Kami akan membayar Tunai Ihsan disebabkan oleh ketidaksuburan akibat kecederaan disebabkan Kemalangan terhadap organ-organ pengeluaran (ovari dan/atau rahim) yang mengakibatkan ketidakmampuan kekal dan menyeluruh untuk hamil seperti yang disahkan oleh Pengamal Perubatan yang merawat.</p> <p>Seksyen ini terbatal apabila Jumlah Manfaat penuh dibayar.</p>	

Seksyen 8 – Elaun Kemasukan ke Hospital	100 setiap hari, sehingga 10,000
<p>Kami akan membayar Elaun Kemasukan ke Hospital RM100 bagi Setiap Hari Kemasukan ke Hospital akibat daripada Kemalangan sehingga maksimum 100 hari atau RM10,000 dalam mana-mana satu Tempoh Takaful tahunan. Kemasukan berikut mestilah berlaku dalam masa 24 jam dari tarikh Kemalangan.</p>	
Seksyen 9 – Perbelanjaan Perubatan	Sehingga 5,000
<p>Kami akan membayar balik kepada Anda bagi kos sebenar perbelanjaan perubatan dan Hospital disebabkan oleh Kemalangan yang diperlukan dan munasabah berlaku dibelanjakan sehingga jumlah tidak melebihi RM5,000 dalam mana-mana satu Tempoh Takaful tahunan tertakluk kepada penyerahan bil yang asal.</p> <p>Perbelanjaan berikutnya bagi sebarang rawatan tradisional termasuk tetapi terhad kepada RM50 bagi setiap lawatan dan maksimum RM500 bagi setiap Kemalangan. Sebarang rawatan tradisional hendaklah dilakukan oleh Pengamal Perubatan traditional yang bertauliah, selain daripada diri Anda atau Ahli Keluarga Anda, yang berdaftar dan diluluskan oleh pihak yang berkaitan.</p>	
Seksyen 10 – Pembedahan Kulit akibat daripada Kemalangan atau Kelecuran	Sehingga 5,000
<p>Kami akan membayar balik kepada Anda sehingga RM5,000 dalam mana-mana satu Tempoh Takaful tahunan bagi kos untuk membuat pemindahan/penampalan kulit akibat daripada Kemalangan atau kelecuran tetapi tertakluk kepada penyerahan bil yang asal.</p> <p>Kelecuran bermaksud terbakar (sekurang-kurangnya tahap ke-2) dan pembedahan ini mestilah pada pandangan Pengamal Perubatan Perlu Dari Segi Perubatan.</p> <p>Kami tidak akan membayar untuk rekonstruktif muka selain daripada kerosakan bentuk muka disebabkan oleh Kemalangan dan/atau Kelecuran.</p>	
Seksyen 11 – Fi Ambulans	Sehingga 500
<p>Kami akan membayar balik kepada Anda bayaran sebenar yang dibelanjakan sehingga RM500 terhad kepada satu Kemalangan dalam mana-mana satu Tempoh Takaful tahunan bagi penggunaan ambulans jalanraya termasuk perkhidmatan bantuan bagi menghantar Anda ke Hospital bagi rawatan perubatan akibat dari Kemalangan tertakluk kepada penyerahan bil yang asal.</p>	
Seksyen 12 – Penculikan	Sehingga 30,000
<p>Sekiranya Anda diculik, Kami akan membayar balik perbelanjaan sepatutnya yang ditanggung oleh Ahli Keluarga Anda bagi mengesan Anda:</p> <ol style="list-style-type: none"> termasuk mengupah penyiasat persendirian; dan/atau bagi maklumat yang akhirnya membawa kepada penemuan Anda (hidup). <p>Jumlah Manfaat tidak akan dibayar di bawah Seksyen 12 (b) sekiranya Anda tidak dijumpai selepas tempoh satu (1) tahun dari hari penculikan.</p> <p>Bayaran Jumlah Manfaat adalah tertakluk kepada pengesahan oleh pihak polis bahawa Anda telah diculik.</p> <p>Dengan syarat bahawa perbelanjaan yang dibayar di bawah seksyen ini tidak termasuk wang tebusan yang dituntut oleh penculik bagi membebaskan Anda.</p> <p><u>Syarat-syarat yang diperuntukkan di bawah Seksyen 12</u></p> <p>Bayaran Jumlah Manfaat di bawah seksyen ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> Anda mesti merahsiakan perlindungan Takaful ini. Kami tidak akan bertindak sebagai orang tengah atau perunding kepada Anda, atau menawarkan nasihat langsung dalam berurusan dengan penculik. Bagi menentukan bahawa Anda telah atau mungkin diculik, ianya memerlukan waris/calon yang bertindak bagi pihak Anda untuk: <ol style="list-style-type: none"> menentukan sama ada Anda telah diculik; memberitahu agensi penguatkuasaan undang-undang yang berkenaan dan mematuhi saranan serta arahan mereka; atau memberitahu Kami dengan segera tentang penculikan atau jika mengesyaki ia berlaku; Sekiranya siasatan mendedahkan pakatan sulit atau penipuan oleh Anda, Anda mestilah membayar balik kepada Kami sebarang pembayaran yang telah dibuat di bawah seksyen ini. 	<p style="text-align: center;">5,000 25,000</p>
Seksyen 13 – Ragut	Sehingga 1,000
<p>Kami akan menggantirugi Anda bagi barang-barang kemas, wang atau barang-barang peribadi yang Anda bawa atau pakai dan perbelanjaan-perbelanjaan yang diperlukan yang berlaku bagi penggantian kad pengenalan peribadi, lesen memandu, pasport, kad-kad kredit dan/atau kad-kad bank yang dicuri atau dirosakkan oleh peragut atau penyamun jalanan sehingga jumlah maksimum RM1,000 dalam mana-mana satu Tempoh Takaful tahunan.</p> <p>Kami tidak akan membayar sekiranya kehilangan atau kerosakan berlaku di dalam rumah Anda yang Anda diami.</p> <p>Kehilangan atau kerosakan mestilah dilaporkan kepada pihak polis dan/atau pengeluar kad dengan segera selepas berlakunya insiden tersebut. Kegagalan untuk melaporkan kepada pihak polis dan/ atau pengeluar kad dengan segera tidak akan menyebabkan tuntutan Anda tidak sah sekiranya Kami berpuas hati bahawa Anda telah melaporkan kepada mereka secepat yang munasabah.</p>	

Seksyen 14 – Perlindungan Pengeluaran Tunai Mesin Juruwang Automatik	Sehingga 1,000
<p>Kami akan menggantirugi Anda bagi kehilangan tunai sehingga RM1,000 dalam mana-mana satu Tempoh Takaful tahunan akibat daripada penggunaan kad bank Anda tanpa kebenaran bagi pengeluaran wang tunai dengan paksaan atau ugutan oleh mana-mana orang yang tidak dikenali.</p> <p>Kehilangan tersebut mestilah dilaporkan kepada pihak polis dan/atau pengeluar kad dengan segera selepas berlakunya insiden tersebut. Kegagalan untuk melaporkan kepada pihak polis dan/ atau pengeluar kad dengan segera tidak akan menyebabkan tuntutan Anda tidak sah sekiranya Kami berpuas hati bahawa Anda telah melaporkan kepada mereka secepat yang munasabah.</p> <p><u>Pengecualian-pengecualian yang diperuntukkan di bawah Seksyen 14</u></p> <p>Kami tidak akan membayar bagi tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada atau akibat daripada:</p> <ol style="list-style-type: none"> sebarang kecuaihan, rampasan, kesilapan atau pengabaian dalam peresitan, pembayaran atau pemindahan; sebarang ketidakjujuran, penipuan atau tindakan jenayah Anda; tanggungan bagi sebarang hutang kecuali Anda hendaklah setelah mendapati berlakunya sesuatu yang boleh menjadi asas tuntutan dengan segera melaporkan kepada pihak polis dan pengeluar kad menurut terma-terma dan syarat-syarat pengeluaran kad tersebut; tanggungan sebarang hutang yang timbul dari kad tambahan yang dikeluarkan kepada Ahli Keluarga Anda; tanggungan untuk sebarang hutang melalui pakatan sulit Anda atau Ahli Keluarga Anda; atau Kehilangan akibat daripada penggunaan kad Anda tanpa kebenaran oleh Ahli Keluarga Anda atau AhliIsirumah Anda. 	
Seksyen 15 – Tunai Ihsan bagi Keganasan Rumah Tangga	500
<p>Kami akan membayar Tunai Ihsan bagi Keganasan Rumah Tangga RM500 terhad kepada satu insiden dalam mana-mana satu Tempoh Takaful tahunan akibat Anda mengalami kecederaan peribadi atau kerugian kewangan atau kerosakan terhadap harta Anda akibat Keganasan Rumah Tangga.</p> <p>Kami tidak akan membayar bagi tuntutan-tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh orang selain daripada Ahli Keluarga atau Ahli Isi Rumah Anda.</p> <p>Kerugian, kecederaan atau kerosakan mestilah dilaporkan kepada pihak polis dengan segera selepas berlakunya insiden tersebut. Kegagalan untuk melaporkan kepada pihak polis dengan segera tidak akan menyebabkan tuntutan Anda tidak sah sekiranya Kami berpuas hati bahawa Anda telah melaporkan kepada mereka secepat yang munasabah.</p> <p><u>Definisi</u></p> <p>Keganasan Rumah Tangga bermaksud tindakan dari sebarang akitiviti-aktiviti seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> sengaja atau dengan niat atau mencuba untuk meletakkan Anda dalam ketakutan akibat kecederaan fizikal; menyebabkan kecederaan fizikal kepada Anda dengan sesuatu perbuatan, yang diketahui atau yang sepatutnya diketahui akan menyebabkan kecederaan fizikal; memaksa Anda dengan kekuatan atau ancaman dalam sebarang perbuatan atau kelakuan, seksual atau sebaliknya, di mana Anda mempunyai hak untuk menahan diri; mengurung atau menahan Anda daripada kehendak sendiri; atau <p>menimbulkan perasaan marah atau memusnahkan atau merosakkan harta dengan niat untuk menimbulkan mengetahui ianya akan menimbulkan kesusahan atau kemarahan kepada Anda.</p>	
Seksyen 16 – Bonus Kemakmuran Keluarga	1,000
<p>Kami akan membayar tunai sekaligus RM1,000 terhad kepada satu insiden dalam mana-mana satu Tempoh Takaful tahunan, sekiranya Anda melahirkan kembar 2 atau lebih melalui kelahiran normal atau pembedahan.</p> <p>Kelahiran kembar 2 atau lebih hendaklah selepas 9 bulan dari Tarikh Takaful Berkuatkuasa. Salinan pengesahan Sijil kelahiran bayi Anda dan surat daripada Pengamal Perubatan yang mengesahkan kelahiran kembar tersebut atau lebih mestilah diserahkan kepada Kami.</p> <p>Kami tidak akan membayar tuntutan sekiranya sebelum kehamilan Anda telah meminta dan/atau telah melalui rawatan persenyawaan In-Vitro atau pemindahan embrio atau sebarang rawatan persenyawaan selain daripada penghamilan semulajadi yang mengakibatkan kelahiran anak.</p>	

PENGECUALIAN AM (DIPERUNTUKKAN BAGI SEMUA SEKSYEN)

Kami tidak akan membayar bagi mana-mana Manfaat di bawah Sijil ini yang disebabkan atau disumbangkan oleh atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut:

- Sebarang Penyakit Sedia Ada;
- Penyakit Khusus yang berlaku dalam masa seratus dua puluh (120) hari pertama dari Tarikh Takaful Berkuatkuasa bagi perlindungan yang berterusan;
- Sebarang perubatan atau keadaan fizikal yang timbul dalam tiga puluh (30) hari pertama dari Tarikh Takaful Berkuatkuasa atau tarikh pengembalian semula yang mana terdahulu kecuali kecederaan akibat Kemalangan;
- Sebarang rawatan atau operasi pembedahan untuk Keadaan Kongenital;
- Sebarang tindakan yang disengajakan, menyalahi undang-undang oleh Peserta dalam keadaan siuman atau sebaliknya, kecederaan kepada diri sendiri yang disengajakan, perjanjian atau komplikasi membunuh diri atau percubaan membunuh diri, pembunuhan atau serangan akibat provokasi;
- Kecuali yang dinyatakan di dalam Seksyen 3 dan Seksyen 5 di bawah Seksyen Manfaat, sebarang keadaan secara langsung atau yang berpunca daripada komplikasi bersalin, kelahiran anak, keguguran atau pengguguran anak;
- Sebarang keadaan secara langsung atau yang berpunca daripada pengaruh alkohol atau dadah yang tidak disahkan oleh Pengamal Perubatan;

8. Sebarang keadaan secara langsung atau yang berpunca daripada komplikasi atau jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV), sebarang perubahan termasuk Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), dan Kerumitan Berkaitan AIDS (ARC), atau sebarang jangkitan dan/atau tumor malignan yang dijumpai dengan kehadiran HIV, AIDS atau ARC.
9. Gangguan mental dan saraf, termasuk tetapi tidak terhad kepada tidak siaman;
10. Sebarang keadaan akibat daripada komplikasi penyakit venereal;
11. Sebarang keadaan yang dialami semasa mengambil bahagian dalam penerbangan atau lain-lain kegiatan udara selain daripada sebagai seorang penumpang dalam sebuah kapal terbang yang mempunyai lesen penuh membawa penumpang, tetapi tidak:
 - a) sebagai seorang anak kapal; atau
 - b) dengan tujuan berniaga atau dalam operasi teknikal di dalam atau di atas kapal terbang;
12. Peserta terlibat di dalam pasukan tentera laut, operasi ketenteraan atau pasukan tentera laut, pasukan polis, bahagian perkhidmatan bomba atau sebarang pasukan operasi ketenteraan atau sebarang pekerjaan bersenjata;
13. Peserta mengambil bahagian dalam aktiviti menyelam, melombong, penggerudian, kerja-kerja bawah tanah, pembuatan atau pengendalian atau penjagaan atau meletupkan bahan letupan, pengilangan gas atau semasa bertugas sebagai anak kapal atau nelayan atau pekerja pelantar minyak;
14. Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, perang saudara (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), kekacauan awam, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, kuasa tentera atau rampasan kuasa atau nasionalisasi atau pengambilan atau pemusnahan oleh perintah mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa tempatan berikutan amaran rusuhan, mogok atau kegemparan awam melalui atau oleh media massa am;
15. Radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif daripada sebarang bahan api nuklear atau daripada sebarang bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pencemaran merangkumi sebarang proses pengekaln bagi pembelahan nuclear;
16. Sebarang tindakan pengganas. Bagi tujuan ini, tindakan pengganas bermaksud tindakan/perbuatan tidak termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ancaman oleh mana-mana orang atau sesebuah kumpulan, sama ada bertindak bersendirian atau bagi pihak atau yang berkaitan dengan sesebuah organisasi atau kerajaan atas dasar politik, agama, ideologi atau tujuan-tujuan yang sama atau berkaitan termasuk niat mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk meletakkan orang awam atau sebahagian daripadanya berada di dalam ketakutan;
17. Peserta terlibat dalam latihan atau , melakukan atau mengambil bahagian di dalam sebarang:
 - a) aktiviti di bawah air dengan penggunaan alat bantuan pernafasan atau kegiatan menyelam;
 - b) mendaki batu atau mendaki gunung yang memerlukan penggunaan tali atau penunjuk arah, mendaki gunung, bukit atau tebing tinggi;
 - c) mengembara gua, mengembara di kawasan terpencil melainkan ditemani penunjuk arah berlesen;
 - d) payung terjun, peluncuran gantung, lompatan bungee atau sebarang aktiviti terjunan;
 - e) sukan musim dingin (tidak termasuk permainan lempar batu kepada ais beku dan meluncur), pemburuan, permainan polo, perlumbaan merentasi halangan, bermain ski atau sebarang aktiviti perlumbaan selain daripada berjalan kaki; atau
 - f) sebarang jenis sukan professional.
18. Penyakit Berjangkit atau kebimbangan atau ancaman (sama ada sebenar atau dianggap) sesuatu Penyakit Berjangkit; atau
19. Menunggang atau memandu tanpa lesen memandu yang sah. Pengecualian ini tidak dikuat kuasakan sekiranya Orang Yang Dilindungi memiliki lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan untuk memegang atau mendapatkan lesen memandu seperti di bawah peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia atau undang-undang lain yang berkaitan.

SYARAT-SYARAT AM (DIPERUNTUKKAN UNTUK SEMUA SEKSYEN)

1. Kelayakan Kemastautinan

Sekiranya berlaku pertukaran negara tempat tinggal, Anda hendaklah memberitahu Kami secara bertulis dan perlindungan Takaful terhadap Anda akan ditamatkan berkuatkuasa dari tarikh Anda meninggalkan Malaysia.

2. Perjalanan Luar Negara/Rawatan Perubatan

Kami tidak akan membayar sebarang Manfaat semasa Peserta berada di luar Malaysia:

- a) Sekiranya kejadian yang mana mengakibatkan tuntutan berlaku atas tujuan perniagaan, belajar atau percutian untuk tempoh melebihi tiga (3) bulan berturut-turut di dalam mana-mana satu Tempoh Takaful tahunan; atau
- b) Untuk mencari rawatan perubatan (walaupun rawatan perubatan tersebut adalah atas permintaan Pengamal Perubatan yang memberi rawatan) sekiranya rawatan tersebut boleh didapati di Malaysia.

3. Tempoh Menunggu

Tiada Manfaat akan dibayar untuk sebarang Penyakit yang berlaku atau dijangkiti semasa tiga puluh (30) hari pertama dari Tarikh Takaful Berkuatkuasa untuk tahun pertama Sijil kecuali untuk Kemalangan.

4. Tempoh Bertenang (Cooling-off)

Sekiranya Sijil ini telah dikeluarkan dan atas sebarang alasan dalam apa cara sekalipun Anda memutuskan untuk tidak mengambil Sijil, Anda boleh memulangkan Sijil kepada Kami bagi pembatalan dengan syarat permohonan bagi pembatalan sedemikian diserahkan oleh Anda kepada Kami dalam masa lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran Sijil. Anda berhak mendapatkan pengembalian penuh Sumbangan yang dibayar selepas ditolak perbelanjaan perubatan yang ditanggung oleh Kami bagi pengeluaran Sijil, sekiranya ada.

5. Tempoh Perlindungan dan Pembaharuan

Sijil ini adalah berkuatkuasa seperti tarikh yang dinyatakan di dalam Jadual. Pembaharuan Sijil adalah satu tahun selepas tarikh berkuatkuasa dan setiap tahun berikutnya. Pada setiap pembaharuan tersebut, Sijil boleh diperbaharui pada kadar sumbangan yang berkuatkuasa pada masa itu dan sebarang perubahan dalam sumbangan semasa pembaharuan akan diberitahu secara bertulis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum pertukaran berkuatkuasa. Sijil ini diperbaharui atas budi bicara Kami.

6. Salahnyata Umur

Sekiranya umur Peserta telah disalahnyata dan sumbangan dibayar akibat daripada Sijil ini adalah tidak mencukupi, sebarang tuntutan perlu dibayar di bawah Sijil ini akan diproratakan berdasarkan nisbah sumbangan sebenar dibayar pada sumbangan yang betul yang sepatutnya dicaj bagi tahun tersebut. Sebarang lebihan sumbangan, yang mungkin telah dibayar akibat daripada salahnyataan umur sedemikian, akan dikembalikan tanpa faedah.

7. Salahnyataan/Penipuan

Sekiranya permohonan atau pengakuan Peserta tidak benar dalam sebarang bahagian atau sekiranya sebarang fakta material berkaitan risiko tersebut dinyatakan secara tidak betul di dalamnya atau sengaja tidak dinyatakan di dalamnya atau sekiranya Sijil ini dimiliki melalui sebarang salahnyataan, gambaran atau penerangan yang salah atau secara paksaan atau sekiranya sebarang pengakuan/ pernyataan yang tidak betul dibuat dalam menyokong perkara tersebut maka dalam sebarang kes sebagaimana disebutkan, Sijil ini akan menjadi batal.

8. Pindaan

Kami mempunyai hak untuk meminda terma-terma dan syarat-syarat Sijil (dengan syarat ianya adalah perlu, munasabah dan wajar) dengan memberikan tiga puluh (30) hari notis bertulis terdahulu melalui pos biasa ke alamat terakhir Anda atau mel elektronik yang diketahui dalam rekod-rekod Kami, dan pindaan sedemikian akan terpakai dari pembaharuan semula berikutnya Sijil ini. Tiada pindaan kepada Sijil ini adalah sah kecuali dibenarkan oleh Kami dan kelulusan sedemikian diberi pengendorsan ke atasnya.

9. Syarat Penarikan Balik Portfolio

Kami mempunyai hak untuk membatalkan portfolio secara keseluruhan sekiranya Kami memutuskan untuk tidak lagi menyambung pengunderaitan produk Takaful ini.

Peserta akan diberi notis bertulis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum pembatalan portfolio secara keseluruhan dan Kami akan menguruskan semua Sijil sehingga tempoh perlindungan tamat dalam portfolio.

10. Bayaran Manfaat

Sebarang Manfaat dibawah Sijil ini akan dibayar kepada Peserta/waris yang dinyatakan di dalam Jadual/ wakilnya seperti yang dinyatakan di dalam Jadual. Sebarang penerimaan bayaran oleh Peserta atau waris atau wakil akan dianggap muktamad dan Kami akan dilepaskan dari sebarang liabiliti berkaitan dengan Manfaat tersebut.

11. Pekerjaan Pentadbiran/Perlindungan Diluar Waktu Bekerja

Sekiranya Anda bekerja dibawah mana-mana pekerjaan yang dikecualikan dalam Pengecualian 12, Anda masih boleh dilindungi dibawah Sijil ini dengan syarat:

- a) Anda ditugaskan untuk melakukan tugas-tugas pejabat/dalam pejabat sahaja;
- a) Anda tidak bertugas dan atau telah pun berada di daratan pada masa Kemalangan berlaku dan Kecederaan Badan tidak timbul pada masa bertugas atau apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan pekerjaan Anda.

12. Had Sekatan

Sijil Takaful ini tidak akan memberi perlindungan dan Kami tidak bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa Manfaat di bawah Sijil ini terhadap penyediaan perlindungan itu, pembayaran tuntutan atau peruntukan Manfaat seperti itu akan mendedahkan Kami kepada mana-mana sekatan, larangan atau sekatan di bawah Resolusi Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

13. Syarat-syarat Tuntutan

a) Pemberitahuan Kemalangan

Semua tuntutan mestilah dibuat sendiri atau menerusi wakil Anda atau waris yang sah di sisi undang-undang kepada Kami dalam masa tiga puluh (30) hari tentang apa-apa Kematian atau Kecederaan yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Sijil ini.

b) Dokumen

Semua laporan perubatan, Sijil, maklumat dan keterangan yang diperlukan oleh Kami untuk menyokong tuntutan mestilah dikemukakan atas tanggungan anda atau tanggungan mana-mana orang yang menuntut dalam kejadian kematian Peserta. Jika Peserta diperlukan oleh Kami untuk menjalani pemeriksaan lanjutan, kos tersebut haruslah ditanggung oleh Kami. Dalam kejadian kematian Peserta, Kami memerlukan sijil kematian sebagai bukti dan mungkin memerlukan pemeriksaan post-mortem dibuat atas tanggungan Anda.

Tuntutan adalah dianggap sebagai tidak lengkap dan kelayakan Manfaat tidak akan dibayar melainkan jika laporan perubatan, sijil, maklumat dan keterangan untuk tuntutan tersebut telah dikemukakan dan dipersetujui oleh Kami. Bagi tuntutan untuk manfaat yang berkaitan dengan pembayaran balik perubatan, hanya kos sebenar yang ditanggung iaitu keperluan perubatan akan dipertimbangkan untuk pembayaran balik tertakluk kepada pengemukaan resit asal.

c) Penyelesaian Tuntutan

- i) Kami akan membayar apa-apa Manfaat di bawah sijil ini kepada Anda, atau penama Anda atau pelaksana undang-undang atau pentadbir sekiranya berlaku kematian terhadap Anda mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
- ii) Bayaran tuntutan di bawah Sijil ini adalah bergantung kepada pematuhan terma dan syarat oleh Anda, dan setakat mana ia dikenakan, oleh Peserta atau mana-mana pihak menuntut.

14. Subrogasi

Sekiranya Kami menjadi bertanggungjawab bagi sebarang bayaran di bawah Sijil ini, Kami akan disubrogasikan tertakluk kepada had bayaran tertentu untuk semua hak dan remedi Peserta terhadap sebarang pihak dan adalah berhak atas perbelanjaan sendiri untuk menyaman menggunakan nama Peserta. Peserta akan memberikan atau akan menyebabkan untuk diberikan kepada Kami semua bantuan tertentu dalam kuasa Peserta sebagaimana Kami akan perlukan untuk mendapat hak dan remedi & atas permintaan Kami hendaklah menandatangani atau menyebabkan untuk ditandatangani semua dokumen sewajarnya bagi membolehkan Kami secara berkesan menyampaikan saman menggunakan nama Peserta.

15. Faedah & Mata Wang

Semua bayaran di bawah Sijil ini akan dibayar mengikut Ringgit Malaysia.

16. Takaful/ Insurans Lain

Seseorang itu tidak boleh dilindungi lebih daripada satu Sijil Femina Special atau Sijil Takaful atau polisi insurans yang bersamaan dengannya yang dikeluarkan oleh Kumpulan Etiqa. Sekiranya Peserta mempunyai perlindungan lebih daripada satu Sijil atau Polisi, Kami akan menganggap bahawa orang itu dilindungi di bawah Sijil atau polisi pertama yang dikeluarkan (jika Manfaat di bawah setiap satu Sijil atau polisi tersebut adalah serupa sama sekali) atau Sijil atau polisi yang menawarkan Manfaat paling tinggi & Kami akan mengembalikan sebarang sumbangan atau premium yang telah dibayar oleh Peserta atau wakil Peserta untuk perlindungan yang satu lagi.

17. Kesilapan dan Peninggalan

Kami akan membetulkan apa-apa kesilapan atau peninggalan di dalam Sijil ini dengan mengeluarkan Endorsemen yang akan dihantar kepada Anda.

Apa-apa pembetulan tidak akan memberi kesan terhadap hak-hak dan kewajipan Anda dan ianya kekal seperti yang telah dipersetujui antara Kita. Apabila Endorsemen tersebut telah dikeluarkan, hanya peruntukan yang terdapat kesalahan di dalam Sijil ini sahaja yang tidak sah.

18. Notis Penyerahan Amanah atau Hak

Kami tidak akan terikat untuk menerima atau dipengaruhi oleh mana-mana notis amanah, gadaian, lien, tugasan atau urusan lain atau seumpamanya yang berkaitan dengan Sijil ini.

19. Timbangtara

Semua perbezaan yang timbul daripada Sijil ini akan dirujuk kepada dan diputuskan oleh seorang Pengantara yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bercanggah. Jika tidak dapat memilih seorang Pengantara yang dipersetujui bersama, dua orang Pengantara akan dilantik untuk membuat keputusan, setiap seorang dilantik secara bertulis oleh setiap pihak. Jika pemilihan Pengantara tidak mendapat persetujuan bersama, seorang Pengadil akan dilantik secara bertulis oleh kedua-dua Pengantara. Pengadil akan mengkerusi mesyuarat yang dihadiri bersama para Pengantara. Kos pengadilan dan bayaran award tertakluk kepada pertimbangan pengantara- pengantara atau pengadil yang membuat keputusan. Adalah ditetapkan dan diisytiharkan di sini, bahawa sebelum sebarang tindakan atau tuntutan dibuat ke atas Sijil ini, award yang ditentukan oleh Pengantara, Pengantara-pengantara atau Pengadil seumpama ini, untuk amaun Manfaat yang dipertikaikan, hendaklah diperolehi dahulu.

20. Prosiding Undang-Undang

Tiada tindakan dari segi undang-undang atau dalam ekuiti boleh dimulakan untuk mendapat perolehan dari Sijil ini sebelum tamat enam puluh (60) hari selepas bukti bertulis kerugian telah dikemukakan selaras dengan syarat-syarat Sijil ini. Sekiranya Peserta gagal untuk memberikan bukti kerugian yang memuaskan sebagaimana ditetapkan oleh terma-terma, peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat Sijil, Peserta boleh, dalam masa tempoh ihsan selama satu tahun kalendar dari masa bukti kerugian bertulis perlu dikemukakan, menyerahkan bukti kerugian berkenaan kepada Kami dengan alasan-alasan kukuh atas kegagalan untuk mematuhi terma-terma, peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat Sijil. Selepas tempoh ihsan sedemikian telah tamat, Kami tidak akan menerima, atas alasan apa sekalipun, bukti kerugian bertulis sedemikian.

21. Klausa Kehilangan

Jika Anda hilang, semasa perlindungan Takaful ini masih berkuatkuasa dan:

- a) Jasad Anda tidak dijumpai dalam tempoh satu (1) tahun selepas kehilangannya; dan
- b) Bukti yang mencukupi untuk memuaskan Kami dan membawa kepada kesimpulan bahawa Anda mengalami Kecederaan Badan akibat kemalangan dan kecederaan tersebut menyebabkan kematiannya;

Kami akan membayar Manfaat kematian di bawah Sijil ini dengan syarat bahawa orang yang akan dibayar ini perlu menandatangani aku janji untuk memulangkan wang yang telah dibayar kepada Kami jika Anda kemudiannya didapati masih hidup.

22. Penamatan Sijil

a) Penamatan oleh Peserta

Jika Peserta memberi notis secara bertulis kepada pihak Kami untuk menamatkan Sijil, atau untuk menamatkan Takaful untuk Peserta, maka penamatan itu akan berkuatkuasa daripada tarikh notis diterima oleh Kami atau pada tarikh yang dinyatakan di dalam notis atau mana-mana tarikh yang terkemudian.

b) Penamatan Secara Automatik

Perlindungan Takaful Sijil ini akan tamat:

- i) Selepas kematian Peserta; atau
- ii) Sekiranya Peserta telah hilang kelayakan disebabkan umur, pertukaran pekerjaan dan/atau Kelayakan Kemastautinan; atau
- iii) Selepas pembayaran penuh Jumlah Manfaat di bawah Seksyen 1, 2(a) hingga 2(d) atau 15.

c) Penamatan oleh Kami

Kami akan memberi notis penamatan (dengan syarat ianya adalah perlu, munasabah dan wajar) dengan surat berdaftar kepada Peserta di alamat yang terakhir atau melalui mel elektronik yang diketahui. Penamatan yang seperti itu akan berkuatkuasa tiga puluh (30) hari selepas tarikh notis.

d) Kedudukan Sumbangan Selepas Penamatan

Jika Sumbangan telah dijelaskan untuk sebarang tempoh melebihi tarikh penamatan Sijil ini, bahagian sumbangan berkenaan akan dipulangkan kepada Peserta. Sekiranya sumbangan untuk sebarang tempoh hingga ke tarikh penamatan belum dijelaskan maka adalah menjadi tanggungjawab Peserta untuk menjelaskannya.

e) Masa Efektif Penamatan

Sijil ini, atau Takaful bagi Peserta akan luput pada pukul 12:01 pagi waktu Malaysia pada tarikh berkenaan sebagaimana tercatat dalam Jadual atau Endosmen atau selepas berlakunya sebarang kejadian yang dinyatakan.

23. Hak untuk menamatkan kerana Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan

Jika Kami mengetahui atau mengesyaki bahawa Sijil dimanfaatkan untuk kegiatan pengubahan wang haram atau untuk membiayai keganasan, Kami berhak untuk menamatkan Sijil masing-masing dengan segera. Kami akan berurusan dengan semua sumbangan yang dibayar & semua Manfaat atau wang yang perlu dibayar berkenaan dengan Sijil melalui apa-apa cara yang Kami anggap sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepada menyerahkannya kepada pihak berkuasa berkaitan.

24. Hak untuk menamakan

Anda boleh menamakan seorang individu untuk menerima Manfaat Takaful yang akan dibayar sekiranya Anda meninggal dunia, sama ada sebagai Wasi atau Benefisiari dibawah Hibah Bersyarat; atau

Penamaan boleh dibuat:

- a) Semasa permohonan dibuat; atau
- b) Dengan memaklumkan kepada Kami secara bertulis.

Anda boleh menentukan bahagian pengagihan untuk dibayar kepada setiap Penama. Jika tiada arahan pengagihan diterima, Kami akan membayar Penama-penama secara sama rata.

Jika terdapat lebih daripada seorang Penama dan mana-mana Penama yang telah dinamakan sebagai Benefisiari di bawah Hibah Bersyarat meninggal dunia terlebih dahulu sebelum Anda, Kami akan membayar bahagian Penama yang meninggal dunia tersebut, apabila Anda meninggal dunia kepada waris Anda, kecuali Anda telah menamakan Penama yang lain selepas kematian Penama tersebut.

Penamaan Benefisiari dibawah Hibah Bersyarat hendaklah, tanpa mengambil kira mana-mana undang-undang bertulis, mempunyai kesan terhadap pemindahan hak terhadap Manfaat Takaful yang akan dibayar apabila berlakunya kematian Anda kepada Penama. Pemindahan Manfaat Takaful tersebut tidak akan membentuk sebahagian daripada harta pusaka Anda, atau tertakluk kepada hutang mereka.

Tanggungjawab Wasi yang dinamakan

Sekiranya Penama dilantik sebagai Wasi, bahagian setiap Wasi akan ditetapkan di dalam Borang Penamaan Wasi.

Bagi Peserta beragama Islam, Wasi perlu mengagihkan Manfaat Takaful tersebut seperti yang dinyatakan dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, undang-undang Islam dan mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan pengagihan harta pusaka Anda yang meninggal dunia.

Bagi Peserta yang bukan beragama Islam, Wasi perlu mengagihkan Manfaat Takaful mengikut wasiat Anda yang meninggal dunia dan mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan pengagihan harta pusaka Anda. Jika pada masa tuntutan, seorang Wasi telah meninggal dunia sebelum Anda, peratusan bagi Wasi yang meninggal dunia akan diagihkan sama rata antara Wasi yang masih hidup, yang akan bertindak sebagai Wasi untuk mengagihkan Manfaat tersebut.

Hak untuk membatalkan penamaan

Penamaan akan dibatalkan:

- a) Apabila semua Penama-penama meninggal dunia semasa Anda masih hidup;
- b) Melalui notis bertulis daripada Anda kepada Kami; atau
- c) Melalui penamaan berikutnya yang dilakukan oleh Anda kepada Kami.

Penamaan tidak akan terbatal melalui wasiat atau melalui sebarang tindakan, peristiwa atau cara-cara lain.

25. Perubahan kepada Percukaian, Peraturan dan Perundangan

Kami boleh mengubah terma-terma dalam Sijil ini jika terdapat perubahan dalam percukaian, peraturan atau perundangan yang menjejaskan Sijil ini. Kami akan memaklumkan Anda secara bertulis apabila terma-terma dalam Sijil ini perlu diubah.

KENYATAAN MAKLUMAT SIJIL

1. Sekiranya terdapat sebarang perubahan alamat, sila beritahu Kami dengan segera.
2. Untuk sebarang pertanyaan selain dari tuntutan, sila hubungi Kami di:
Etiqa General Takaful Berhad
Level 13, Menara B, Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur, Malaysia
Nombor Telefon: +603 2297 3888
Nombor Faksimile: +603 2297 3800
Etiqa Online: 1300 13 8888
E-mel: info@etiqa.com.my
Laman Web: www.etiqa.com.my
3. Untuk sebarang tuntutan di bawah Sijil ini, sila hubungi Pembantu Tuntutan Kami di talian 1300 88 1007.

PROSEDUR ADUAN

Sekiranya Anda dapati perkhidmatan Kami memerlukan penambahbaikan, sila berikan Kami maklum balas Anda dengan menghubungi Kami melalui pos di:

Unit Pengurusan Aduan
Etiqa General Takaful Berhad
Level 6, Menara B, Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur, Malaysia;

Atau melalui telefon 1300 13 8888 atau +603 2780 4500 (Luar Negara)
Nombor Faksimile: +603 2297 1919
E-mel: complaint_cmu@etiqa.com.my

Kami akan memastikan maklum balas Anda dilayani.

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) dan Bank Negara Malaysia Laman Informasi, Nasihat & Khidmat (BNMLINK) Malaysia juga menyediakan pendekatan alternatif dalam memberikan peluang kepada orang ramai untuk membetulkan amalan pasaran yang tidak adil.

PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA OPK

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) boleh dihubungi oleh Pihak Menuntut atau Peserta, sekiranya Pihak Menuntut atau Peserta tidak berpuas hati dengan keputusan Kami terhadap sebarang pertikaian, atau kegagalan Kami untuk memberi maklum balas terhadap sebarang aduan dalam tempoh enam puluh (60) hari. Anda boleh menghubungi OPK melalui:

E-mel: enquiry@ofs.org.my
atau
Nombor Faksimile: +603 2272 1577

atau
Alamat Pos:
Ketua Pegawai Eksekutif
Ombudsman Perkhidmatan Kewangan
Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
No.4, Jalan Sultan Sulaiman
50000, Kuala Lumpur

Sebagai alternatif, Pihak Menuntut atau Peserta boleh memfailkan pertikaian itu secara peribadi di pejabat OPK.

OPK perlu dihubungi dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh keputusan muktamad dari Kami berkenaan pertikaian yang dibuat Pihak Menuntut atau Peserta.

Untuk maklumat lanjut mengenai OPK, sila dapatkan risalah maklumat daripada Kami atau layari laman web OPK di www.ofs.org.my.

Penglibatan OPK adalah tertakluk kepada terma-terma rujukan menurut Seksyen 138 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Menghubungi OPK tidak akan menjejaskan hak Pihak Menuntut atau Peserta untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Kami sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan keputusan oleh OPK.

PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA BNMLINK

Mana-mana Peserta atau Pihak Menuntut yang tidak berpuas hati dengan cara pengendalian oleh sesebuah Pengendali Takaful boleh menulis kepada BNMLINK dengan memberikan butiran tentang aduan, nama Pengendali Takaful dan nombor Sijil atau nombor tuntutan.

Salinan surat-menyurat (sekiranya ada) antara Peserta atau Pihak Menuntut dan Pengendali Takaful juga boleh disertakan untuk memudahkan kerja mencari fail kes yang disimpan oleh Pengendali Takaful.

Alamat surat menyurat adalah seperti berikut:

Pengarah, Jabatan LINK dan Pejabat Wilayah
Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur, Malaysia
Nombor Telefon: 1300 88 5465
Nombor Faksimile: +603 2174 1515
E-mel: bnmlink@bnm.gov.my